



LAPORAN LIPUTAN MEDIA

RABU / 9 OKTOBER 2019

- 1. 'KAMI CUKUP KECEWA' – PESAWAH**
- 2. RIBUAN PESAWAH RUNSING BENIH PADI BELUM TERIMA
- UTUSAN MALAYSIA**

DISEDIAKAN OLEH :
CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT
(MADA)

KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 9 OKTOBER 2019

PERKARA : ADUAN PERTANIAN

UTUSAN MALAYSIA • RABU 09 OKTOBER 2019

DALAM

'Kami cukup kecewa' - Pesawah

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB
utusanperlis@utusan.com.my

■ ARAU 8 OKT.

KAMI cukup kecewa. Itu luahan pesawah selepas benih padi bersubsidi yang sepatutnya sampai minggu lalu seperti dijanjikan pihak bertanggung jawab masih belum dihantar sehingga memberi kesan kepada ribuan petani di negeri ini.



RAZALI SAAD

Lua h salah se-orang pesawah dari Kampung Sungai Baru, **Razali Saad**, 54, sampai bila mereka harus menunggu kerana jadual tanaman sepatutnya sudah bermula.

Berikutan itu katanya, terdapat dalam kalangan pesawah terpaksa membeli benih bukan subsidi yang harganya lebih mahal.

"Sepatutnya saya sudah boleh mengusahakan tanaman pada 5 Oktober lalu bagi fasa ketiga. Manakala bagi fasa pertama pada 25 September lalu juga sehingga kini masih belum boleh mengusahakan tanaman.

"Saya harap sangat benih padi ini cepat sampai supaya



SEORANG pesawah hanya mampu merenung ke sawahnya selepas benih padi masih belum tiba di Guar Sanji, Arau, Perlis, semalam.

mereka (pesawah) dapat tanam mengikut jadual ditetapkan. Jika tanaman tidak mengikut jadual ia akan memberi kesan kepada tanaman nanti," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sebelum ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memberi jaminan bahawa isu kelewatan 72,000 metrik tan benih padi yang disebab-

kan masalah syarikat pembekal input pertanian itu, akan dapat diselesaikan minggu lepas.

Tambah Razali, hampir 90 peratus pesawah yang mengharapkan benih subsidi tidak dapat mengusahakan tanaman manakala 10 peratus lagi dikatakan mempunyai simpanan benih.

Sementara itu, seorang lagi pesawah dari Kampung

Syed Omar, Batu Pahat, **Dimat Khamis**, 70, berkata, dia membeli benih lain daripada sebuah kedai kerana benih subsidi yang dijanjikan masih belum sampai.

"Meskipun mahal, namun kami tidak boleh buat apa kerana tanaman perlu dilakukan kalau boleh secepat mungkin kerana sudah melebihi jadual tanaman sepatutnya," katanya.

Ribuan pesawah runsing benih padi belum diterima

ALOR SETAR 8 Okt. - Ribuan pesawah di negeri ini dan Perlis runsing apabila benih padi bersubsidi yang sepatutnya telah selesai dihantar oleh pihak terlibat dua minggu lalu, tetapi sehingga kini masih belum diterima.

Keadaan itu menyebabkan sebahagian pesawah terbabit terpaksa membeli benih padi tanpa subsidi yang harganya hampir sekali ganda mahalunya.

Harga benih tanpa subsidi di pasaran adalah antara RM45 dan RM50 berbanding bersubsidi RM28 hingga RM35 setiap beg muatan 20 kilogram.

Menurut seorang pesawah di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Hutan Kampung yang enggan dikenali, kawasan di situ yang keseluruhan sawah berkeluasan 3,248 hektar adalah antara yang sepatutnya sudah menyemai benih padi.

Katanya, walau bagaimanapun perkara itu bukan sahaja gagal dilakukan malah lebih merunsingkan seramai 1,800 orang pesawah di kawasan terse-

but tidak pasti bila masalah ini akan diselesaikan.

“PPK Hutan Kampung termasuk dalam Fasa 1 MADA (Lembaga Kemajuan Pertanian Muda) yang sepatutnya menyemai benih padi bermula 25 September lalu dan berakhir 30 Oktober ini,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sebelum ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memberi jaminan bahawa isu kelewatan 72,000 metrik tan benih padi yang disebabkan masalah syarikat pembekal input pertanian itu, akan dapat diselesaikan minggu lepas.

Pesawah itu seterusnya meminta pihak yang berkaitan agar segera menyelesaikan masalah tersebut kerana boleh menjejaskan pengeluaran musim ini.

Katanya, kos penanaman dijangka turut meningkat sekali gus akan mengurangkan lagi pendapatan para pesawah.